

NO.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Apakah itu Tabung Perumahan Bumiputera Pulau Pinang (TPBPP)?	TPBPP adalah inisiatif bagi membantu Bumiputera yang berpendapatan rendah dan sederhana memiliki kediaman sendiri.
2.	Siapakah yang layak memohon pembiayaan ini?	Pemohon mestilah warganegara Malaysia berstatus Bumiputera, berumur 18 tahun ke atas, menetap dan bekerja di Pulau Pinang. Keutamaan diberikan kepada pemohon berpendapatan rendah dan sederhana yang belum memiliki rumah.
3.	Apakah jenis rumah yang layak dibiayai?	Keutamaan diberikan kepada rumah kos rendah, sederhana rendah dan rumah mampu milik.
4.	Berapa jumlah pembiayaan yang ditawarkan?	Maksimum pembiayaan TPBPP adalah RM 400,000, tidak termasuk pembiayaan sampingan seperti MRTT, Takaful Kebakaran, Yuran Guaman & Laporan Penilaian Hartanah.
5.	Adakah margin pembiayaan TPBPP?	Sehingga 100% atas harga pembelian atau nilai pasaran terbuka, yang mana lebih rendah dan tertakluk kepada kelayakan.
6.	Adakah pembiayaan ini patuh syariah?	Ya. Konsep pembiayaan menggunakan konsep Komoditi Murabahah.
7.	Berapa lama tempoh kelulusan?	5 - 7 hari bekerja bergantung pada kelengkapan dokumen.
8.	Bolehkah pemohon yang gagal memohon semula?	Ya, boleh mohon semula dengan dokumen lengkap dan memenuhi syarat semasa.
9.	Bagaimana cara untuk memohon pembiayaan TPBPP?	Permohonan TPBPP boleh dibuat di cawangan CBP di Pulau Pinang sahaja. Cawangan CBP di Pulau Pinang adalah seperti berikut : i. Butterworth ii. Kepala Batas iii. Nibong Tebal iv. Bayan Baru
10.	Bagaimana cara untuk mendapatkan maklumat lebih lanjut mengenai pembiayaan TPBPP ?	Untuk mendapatkan maklumat lebih lanjut : <ul style="list-style-type: none"> • Sila hubungi 1-300-88-7650 (Setiap hari, Isnin hingga ahad bermula 6.00 pagi hingga 12.00 tengah malam) • Whatapps 019-756 7650 • Layari laman sesawang CBP : https://www.cbp.com.my/ms/produk/pembiayaan-individu/skim-pembiayaan-tabung-perumahan-bumiputera-pulau-pinang-tpbpp. • Kunjungi mana-mana Cawangan CBP yang berdekatan.